

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan untuk menaikkan gaji minimum pada kadar RM1200 sebulan memandangkan ramai rakyat yang terbeban akibat pandemik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2020 mulai 1 Februari 2020 dengan kadar gaji minimum RM1,200 sebulan di 56 kawasan Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran. Manakala kadar gaji minimum bagi kawasan-kawasan lain ialah RM1,100 sebulan. Buat masa sekarang, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses untuk membuat pindaan PGM 2020 bagi menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,100 ke RM1,200 sebulan secara *blanket approval* untuk kawasan Majlis Daerah yang telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran.

Dalam masa yang sama, Kajian Semula PGM 2020 sedang dilaksanakan selaras dengan peruntukan seksyen 25 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] yang menghendaki kajian semula PGM dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua tahun. Dalam membuat kajian semula PGM, Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) mengadakan perundingan awam dan sesi libat urus yang melibatkan wakil-wakil majikan, pertubuhan majikan, wakil pekerja, kesatuan sekerja dan orang awam bagi mendapatkan input tentang impak pelaksanaan gaji minimum ke atas sosiokonomi negara.

MPGN sentiasa menggunakan pendekatan seimbang (*balanced approach*) dengan meneliti kepentingan pihak majikan, pekerja dan kerajaan untuk menilai kesan pandemik COVID-19 ke atas pemain industri. Peningkatan kadar gaji minimum yang terlalu tinggi boleh mengurangkan minat pelabur asing untuk masuk ke negara ini lalu menjejaskan daya saing negara. Akibatnya pasaran buruh akan berdepan dengan cabaran untuk mencipta pekerjaan baharu yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Kenaikan kadar gaji

SOALAN NO: 13

minimum perlu dilaksanakan secara berperingkat agar tidak memberi tekanan dan membebankan majikan, terutama bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Kenaikan kadar gaji minimum yang mendadak boleh menjejaskan operasi syarikat dan mendedahkan pekerja kepada risiko kehilangan pekerjaan.

Proses kajian semula turut mengambil kira indikator-indikator sosioekonomi seperti pendapatan garis kemiskinan, penengah gaji (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran, produktiviti buruh dan perubahan indeks harga pengguna yang mencerminkan kos sara hidup. Dapatan kajian ini akan dibincangkan di peringkat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) untuk tujuan membuat syor tentang kadar dan liputan gaji minimum untuk dipertimbangkan dan diputuskan oleh Kerajaan.